

## Pemegunan Fluoresein dalam Lapisan Filem Sol-Gel dan Potensinya untuk Pengesanan Gas CO<sub>2</sub>

**Musa Ahmad, Norezuny Mohamad & Jariah Abdullah**

*Pusat Pengajian Sains Kimia dan Teknologi Makanan*

*Fakulti Sains dan Teknologi*

*Universiti Kebangsaan Malaysia*

*43600 Bangi, Selangor, Malaysia*

Diterima: 12 Jun 2002

### ABSTRAK

Penghasilan lapisan filem sol-gel terdop yang boleh digunakan sebagai fasa reagen dalam pembinaan penderia kimia gentian optik dibincangkan dalam kertas kerja ini. Reagen fluoresein yang sensitif terhadap gas CO<sub>2</sub> didopkan di dalam larutan sol-gel dan lapisan filem sol-gel disediakan menggunakan kaedah celup dengan kaca slaid digunakan sebagai penyokong. Filem sol-gel yang didopkan dengan reagen fluoresein didapati membebaskan cahaya pendarfluor pada panjang gelombang  $\lambda_{\text{em}} = 520$  nm apabila diaja pada panjang gelombang  $\lambda_{\text{ex}} = 490$  nm. Kehadiran gas CO<sub>2</sub> akan merendahkan keamatian cahaya pendarfluor yang dihasilkan dan rangsangan ini dapat dijanakan semula dengan mengalirkan gas N<sub>2</sub> ke dalam bilik sampel.

### ABSTRACT

The preparation of a doped sol-gel film which could be used as a reagent phase in the development of optical fibre chemical sensor is discussed in this paper. Fluorescein which is sensitive towards CO<sub>2</sub> gas was doped in the sol-gel solution and the sol-gel film was prepared by using a dip-coating method with slide glass used as a support. The sol-gel film doped with fluorescein was found to fluoresces at  $\lambda_{\text{em}} = 520$  nm when excited at  $\lambda_{\text{ex}} = 490$  nm. The presence of CO<sub>2</sub> will reduce the fluorescence intensity of the entrapped fluorescein and the response could be regenerated by flowing N<sub>2</sub> gas to the sample compartment.

**Kata kunci:** Reagen fluoresein, penderia kimia gentian optik, filem sol-gel, cahaya pendarflour

### PENGENALAN

Proses sol-gel merupakan satu fenomena kimia dan melibatkan larutan oksida logam satu komponen atau pelbagai komponen yang mengalami pengelan untuk membentuk rangkaian koheren yang tegar. Perubahan larutan kepada gel menghasilkan istilah 'sol-gel'. Proses sol-gel bermula apabila Ebelmen buat pertama kali mensintesis Si(OEt)<sub>4</sub> pada tahun 1846 dan ia menjadi gel apabila terdedah kepada lembapan udara (Dislich 1971). Proses ini mula menjadi terkenal pada 1942 setelah Geffcken dan Berger berjaya menyediakan lapisan oksida tunggal (Brinker dan Scherer 1990).

Dalam kajian ini, proses sol-gel digunakan untuk menyediakan suatu lapisan filem lutsinar yang didopkan dengan reagen kimia. Pada amnya, pendopan

kimia ialah pemegunan bahan terubahsuai organik ke dalam polimer organik semasa proses pempolimeran sedang berlaku. Pelbagai reagen fotometrik yang boleh digunakan untuk mengesan kation, anion, spesies redoks dan zarahan terampai udara telah berjaya dipegunkan dalam kumpulan sol-gel iaitu silika, titanium dan xerogel yang lain (Lev *et al.* 1995). Avnir *et al.* (1992) pula telah berjaya memegunkan beberapa bahan bioaktif seperti enzim di dalam filem sol-gel. Dalam kajian ini, reagen fluoresein yang sensitif terhadap kehadiran gas CO<sub>2</sub> akan didopkan di dalam filem sol-gel. Dalam kajian kami terdahulu, penunjuk fenolftalein telah berjaya dipegunkan dalam filem sol-gel dan potensinya untuk pengesan gas CO<sub>2</sub> telah dibincangkan (Musa dan Ling 1997).

## EKSPERIMEN

### Bahan-bahan Kimia

Bahan-bahan kimia yang digunakan ialah tetraetilortosilikat, TEOS (Aldrich, 99.0 %); triton X-100 (BDH); etanol (BDH, 99.7%); ammonia (Aldrich, 25.0%); asid hidroklorik, HCl (BDH); N,N-dimetilformamida, DMF (BDH, 99.0%); tetrabutilammonium hidroksida dalam metanol, TBuAOH (Sigma, 12.5%); kalium hidroksida, KOH (Aldrich); fluoresein, FL (Sigma) dan karbon dioksida, CO<sub>2</sub>.

### Peralatan

Spektrum pendarfluor untuk larutan reagen dan larutan sol-gel diperoleh menggunakan alat Spektrometer SLM Aminco Luminesen Siri II. Spektrum pendarfluor untuk filem sol-gel terdop diperoleh daripada alat yang sama dengan menggunakan aksesori permukaan pepejal.

### Cara Kerja


(i) Reagen – Larutan stok FL disediakan dengan melarutkan 200 mg FL ke dalam 1L 0.1 M KOH. Larutan 10.6mM FL disediakan dengan mencampurkan 8.33 mL larutan stok FL dengan 0.21 mL larutan TBuAOH ke dalam kelalang isi padu dan menjadikannya ke isi padu 50.00 mL dengan pelarut DMF. Larutan sol-gel disediakan dengan mencampurkan 2 mL TEOS dan 1 mL 0.1M HCl dalam suatu bikar kecil. Sebanyak 4 mL etanol kemudiannya dimasukkan ke dalam bikar ini dengan perlahan-lahan, diikuti dengan 7 titis triton-X 100 dan campuran larutan dikacau selama 5 jam. Pemegunan reagen dilakukan dengan mencampurkan 2 mL larutan stok sol-gel dengan 2 mL larutan FL dan campuran dikacau selama 1 jam. Semua cara kerja ini dilakukan pada suhu bilik.

(ii) Penyediaan lapisan filem nipis – Kaedah penyalutan celup digunakan dalam kajian ini untuk penyediaan filem sol-gel dan kaca slaid digunakan sebagai penyokong. Penyokong dibersihkan terlebih dahulu dengan etanol dan dipastikan dalam keadaan kering sebelum digunakan. Penyalutan celup

dilakukan dengan mencelup penyokong kaca slaid ke dalam larutan sol-gel dan ditarik dengan perlahan bagi memperoleh lapisan yang nipis. Penyokong ini kemudiannya dibiarkan kering dalam desikator dalam keadaan menegak.

### KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Reagen FL yang digunakan dalam kajian ini sensitif terhadap kehadiran gas CO<sub>2</sub> dan warnanya akan berubah apabila terdedah kepada gas tersebut (Richard dan James 1972). Gerak balas FL terhadap gas CO<sub>2</sub> adalah berdasarkan kepada persamaan berikut:




Bagi reagen FL, ion FL<sup>2-</sup> merupakan spesies yang berpendarfluor dan ion ini dominan dalam pelarut yang beralkali tinggi. Dengan kehadiran gas CO<sub>2</sub>, perubahan warna anion FL<sup>2-</sup> akan dicerap iaitu dari oren kepada tidak berwarna. Bahan yang tidak berwarna ini merupakan laktonik neutral, H<sub>2</sub>FL yang tidak berpendar.


Spektrum pendarfluor bagi FL dalam DMF apabila didedahkan kepada gas CO<sub>2</sub> secara berterusan ditunjukkan dalam *Rajah 1*. Cahaya pendarfluor dicerap pada panjang gelombang  $\lambda_{em} = 520$  nm apabila pengujian dilakukan pada panjang gelombang  $\lambda_{em} = 490$  nm. Seperti dijangkakan keamatan spektrum pendarfluor didapati semakin berkurangan apabila didedahkan kepada gas CO<sub>2</sub> kerana pembentukan laktonik neutral, H<sub>2</sub>FL yang tidak bersifat pendarfluor.

*Rajah 2* menunjukkan spektrum pendarfluor FL dalam larutan sol-gel apabila didedahkan kepada CO<sub>2</sub> secara berterusan. Bentuk spektrum pendarfluor yang diperoleh kelihatan sama seperti spektrum pendarfluor FL dalam larutan bebas. Ini menunjukkan bahawa larutan sol-gel bersifat lengai dan tidak mengubah sifat optik dan kimia bagi reagen FL semasa proses pendopan. Seperti yang diperhatikan dalam larutan bebas, keamatan cahaya pendarfluor didapati semakin berkurangan dengan pendedahan secara berterusan gas CO<sub>2</sub>.

*Rajah 3* menunjukkan spektrum pendarfluor bagi reagen FL dalam lapisan filem sol-gel apabila didedahkan kepada gas CO<sub>2</sub> secara berterusan. Bentuk spektrum pendarfluor yang diperoleh adalah sama seperti yang diperoleh apabila FL berada dalam larutan bebas dan larutan sol-gel. Panjang gelombang pengujian dan pancaran juga didapati masih kekal pada 490 nm dan 520 nm, masing-masingnya. Namun, jika spektrum pendarfluor FL dalam larutan bebas, larutan sol-gel dan filem sol-gel dibandingkan, dapat dilihat bahawa pengurangan keamatan pendarfluor adalah paling kecil dalam lapisan sol-gel diikuti dengan larutan sol-gel dan larutan bebas apabila didedahkan kepada gas CO<sub>2</sub> secara berterusan. Keadaan ini dijangkakan disebabkan pembentukan rangkaian antara




Rajah 1: Spektrum pendarflour bagi FL dalam larutan bebas dengan kehadiran gas  $\text{CO}_2$  apabila  $\lambda_{ex} = 490 \text{ nm}$  dan  $\lambda_{em} = 520 \text{ nm}$




Rajah 2: Spektrum pendarflour bagi FL dalam larutan sol-gel dengan kehadiran gas  $\text{CO}_2$  apabila  $\lambda_{ex} = 490 \text{ nm}$  dan  $\lambda_{em} = 520 \text{ nm}$

molekul sol-gel yang terbentuk semasa proses sol-gel yang menghalang pergerakan molekul gas  $\text{CO}_2$  dan oleh itu mengehadkan tindak balas antara gas ini dengan ion  $\text{FL}^{2-}$ .

Rajah 4 menunjukkan spektrum pendarflour untuk FL dalam larutan bebas, larutan sol-gel dan filem sol-gel. Seperti yang telah dibincangkan, pemeguan



Rajah 3: Spektrum pendarflour bagi FL dalam filem nipis sol-gel dengan kehadiran gas CO<sub>2</sub> apabila  $\lambda_{ex} = 490$  nm dan  $\lambda_{em} = 520$  nm



Rajah 4: Bandingan spektrum pendarflour bagi FL dalam larutan bebas (c), Larutan sol-gel (b) dan filem nipis sol-gel (a), ( $\lambda_{ex} = 490$  nm dan  $\lambda_{em} = 520$  nm).


FL dalam larutan dan filem sol-gel masih mengekalkan sifat kimia dan sifat optik bagi reagen kerana sol-gel yang bersifat lengai. Keamatan pendarflour untuk FL dalam filem sol-gel walau bagaimanapun memberikan bacaan terendah kerana kuantiti reagen FL yang dapat dipegunkan dalam filem sol-gel semasa penyediaan filem menggunakan kaedah celup adalah lebih rendah berbanding kepekatan FL dalam larutan bebas dan larutan sol-gel.

Bagi menguji kesan kelunturan reagen FL dari lapisan filem sol-gel, lapisan filem berkenaan dibasuh beberapa kali dengan air suling nyahion dan spektrum pendarfluornya diambil setiap kali pembasuhan dilakukan. Keputusan yang diperoleh menunjukkan bahawa kelunturan reagen berlaku hanya pada dua basuhan yang pertama dan keamatian pendarfluor menjadi tetap selepas basuhan yang ketiga. Semasa proses pencelupan filem dilakukan, sebahagian reagen akan terpegun di dalam filem sol-gel manakala sebahagian yang lain hanya terjerap di atas permukaan filem sahaja. Apabila cucian dilakukan, keamatian pendarfluor berkurangan kerana reagen yang terjerap di atas permukaan filem sol-gel akan dibasuh keluar. Keamatian pendarfluor menjadi tetap selepas proses basuhan ketiga kerana keamatian pendarfluor yang ditunjukkan merupakan keamatian pendarfluor yang dihasilkan oleh FL yang terpegun dalam filem sol-gel. Pada keadaan ini, proses kelunturan reagen yang terjerap di atas permukaan lapisan filem sol-gel dianggap tidak begitu penting.


Rajah 5 menunjukkan kesan kadar alir gas CO<sub>2</sub> terhadap masa rangsangan FL apabila reagen tersebut berada dalam tiga fasa yang berbeza iaitu larutan bebas, larutan sol-gel dan lapisan filem sol-gel. Secara umum dapat diperhatikan bahawa kadar alir mempengaruhi masa yang diambil untuk rangsangan keadaan mantap dicapai. Kadar alir yang tinggi akan mempercepat masa rangsangan keadaan mantap tercapai dan sebaliknya. Pada kadar alir yang tinggi, kuantiti gas CO<sub>2</sub> yang hadir per unit masa adalah juga tinggi dan oleh itu tindak balas pembentukan lakttonik neutral, H<sub>2</sub>FL adalah lebih cepat. Kesan kadar alir terhadap masa rangsangan telah dibincangkan oleh beberapa penyelidik lain sebelum ini (Musa dan Narayanaswamy 1997; Berman *et al.* 1990; Narayanaswamy dan Sevilla 1988).

Keputusan yang diperoleh menunjukkan bahawa reagen FL dapat dipegunkan dengan baik dalam filem sol-gel dan berpotensi untuk digunakan sebagai fasa reagen dalam pembinaan penderia kimia gentian optik untuk gas CO<sub>2</sub>. Rajah 6 membandingkan rangsangan FL yang berada dalam keadaan bebas, dalam larutan sol-gel dan dalam lapisan filem sol-gel terhadap gas CO<sub>2</sub>. Penjanaan semula reagen FL dilakukan dengan mengalirkkan gas N<sub>2</sub> ke dalam bilik sampel. Oleh kerana tindak balas antara FL dan gas CO<sub>2</sub> adalah tindak balas jenis berbalik, kehadiran gas N<sub>2</sub> akan menyengkirkan gas CO<sub>2</sub> dan keamatian pendarfluor reagen FL akan dipulihkan seperti sebelum bertindak balas dengan gas CO<sub>2</sub>. Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 6, secara umum bentuk rangsangan FL terhadap gas CO<sub>2</sub> adalah sama untuk ketiga-tiga keadaan FL iaitu sama ada dalam larutan bebas, larutan sol-gel atau dalam filem nipis sol-gel. Perbezaan keamatian pendarfluor yang diperoleh untuk FL yang terdop dalam filem sol-gel walau bagaimanapun adalah jauh lebih rendah berbanding dalam larutan bebas dan larutan sol-gel. Ini adalah disebabkan kuantiti FL yang terdop dalam filem sol-gel adalah jauh lebih rendah daripada kuantiti FL dalam larutan bebas dan larutan sol-gel. Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, perubahan keamatian yang kecil ini adalah juga disebabkan oleh kewujudan rangkaian dalam filem sol-gel yang menyukarkan pergerakan molekul CO<sub>2</sub> untuk bertindak balas dengan FL. Dalam larutan bebas dan larutan sol-gel,


Pemegunan Fluorescin dalam Lapisan Filem Sol-Gel dan Potensinya untuk Pengesanan Gas CO<sub>2</sub>



(A)




(B)



(C)

Rajah 5: Kesan kadar alir terhadap masa rangsangan FL terhadap kehadiran gas CO<sub>2</sub> apabila FL berada dalam larutan bebas (A), larutan sol-gel (B) dan terdop dalam filem nipis sol-gel (C). Keamatan pendarflour diukur pada panjang gelombang  $\lambda_{em} = 520$  nm apabila pengujian dilakukan pada panjang  $\lambda_{ex} = 490$  nm.



Rajah 6: Rangsangan FL terhadap kehadiran gas  $\text{CO}_2$  apabila FL berada dalam larutan bebas (A), larutan sol-gel (B) dan terdop dalam filem nipis sol-gel (C). Penjanaan semula FL dilakukan dengan mengalirkan gas  $\text{N}_2$

kedua-dua molekul  $\text{CO}_2$  dan FL bebas bergerak dan tindak balas dapat berlaku dengan lebih sempurna. Daripada Rajah 6 (C), dapat diperhatikan bahawa rangsangan garis dasar tidak diperoleh untuk FL yang terdop dalam lapisan filem sol-gel. Setiap kali penjanaan dilakukan dengan gas  $\text{N}_2$ , keamatan pendarfluor tidak dapat dipulihkan sepenuhnya. Perbezaan keamatan yang dihasilkan apabila FL didedahkan kepada gas  $\text{CO}_2$  walau bagaimanapun sama. Perbezaan keamatan pendarfluor yang kecil dan masalah rangsangan garis

dasar dapat diatasi secara elektronik apabila lapisan filem sol-gel terdop ini digunakan sebagai fasa reagen dalam pembinaan penderia kimia gentian optik untuk pengesan gas CO<sub>2</sub>.

### KESIMPULAN

Hasil yang diperoleh daripada kajian ini menunjukkan bahawa reagen FL yang sensitif terhadap kehadiran gas CO<sub>2</sub> dapat dipegunkan dengan baik dalam filem sol-gel. Reagen FL yang terpegun masih dapat mengekalkan sifat kimia dan sifat optiknya terhadap gas CO<sub>2</sub> dan ini menunjukkan bahawa sol-gel bersifat lengai dan berfungsi hanya untuk memegang reagen FL. Reagen yang terpegun menunjukkan rangsangan yang baik terhadap gas CO<sub>2</sub> dan reagen FL dapat dijanakan semula dengan mengalirkan gas N<sub>2</sub>. Kajian ini akan diteruskan dengan menggunakan filem sol-gel terdop dengan FL ini sebagai fasa reagen dalam pembinaan penderia kimia gentian optik untuk pengesan gas CO<sub>2</sub>.

### PENGHARGAAN

Penyelidik ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Sains, Teknologi & Alam Sekitar dan UKM kerana sumbangan geran penyelidikan IRPA 09-02-02-0012 dan S/9/97.

### RUJUKAN

- AVNIR D., S. BRAUN and M. OTTOLENGHI. 1992. Encapsulation of organic molecules and enzymes in sol-gel glasses. *ACS Symposium Series* **499**: 384-404.
- BERMAN C. J., G. D. CHRISTIAN and L. W. BURGES. 1990. *Anal. Chem.* **62**: 2006.
- BRINKLER C. J. and G. W. SCHERER. 1990. *Sol-Gel Science: The Physics and Chemistry of Sol-Gel Processing*. Boston: Academic Press Inc.
- DISLICH, H. 1971. New routes to multicomponent oxide glasses. *Angew. Chem. Int. Ed.* **10(6)**: 363-434.
- LEV, O., M. TRIONSKY, L. RABINOVICH, V. GLEZER, S. SAMPATH, I. PANKRATOV dan J. GUN. 1995. Organically modified sol-gel sensors. *Anal. Chem.* **67(I)**: 22A-30A.
- MUSA A. dan Q. A. LING. 1997. Pendopan filem sol-gel dengan fenolftalien: Potensi penggunaan sebagai penderia CO<sub>2</sub>. *Pertanika J. Sci. & Technol.* **5(2)**: 155-167.
- MUSA A. and R. NARAYANASWAMY. 1997. A flow-cell optical fibre sensor based on immobilised chrome azurol S for aqueous Al(III) monitoring. *ASEAN J. Sci. Technology Development* **14(1)**: 61-73.
- NARAYANASWAMY R. and F. SEVILLA III. 1988. Optosensing of hydrogen sulphide through paper impregnated with lead acetate. *Fresenius Z. Anal. Chem.* **329**, 789.
- RICHARD, M. G. and C. G. W. JAMES. 1972. *Atmospheres*. p. 126-141. Prentice Hall, Inc.